**Pilih Kata Bilangan yang sesuai.**

1. Kesemua mangsa banjir itu telah dibenarkan pulang ke rumah _____.
   a) Tiap-tiap b) masing-masing c) satu

2. George membelanjakan _____ duit pemberian ibunya dengan berjimat cermat.
   a) Semua b) beberapa c) masing - masing
3. Bulan Ogos merupakan bulan _____.
   a) Lapan b) kelapan c) pertama

4. Makcik Kiah memberi_____ bungkus kerepek itu kepada anak buahnya.
   a) Tiga b) kedua c) tiap-tiap

5. _____ orang murid telah dihantar ke hospital kerana dijangkiti virus.
   a) Setengah b) Pelbagai c) Beberapa

**KATA NAFI: Padankan**

| | |
|---|---|
| 1. Encik Nelli _____ bapa saudara saya. | a) Bukan |
| 2. Olive _____ gemar makan buah durian. | |
| 3. Suria _____ takut ketika memberikan laporan kepada polis. | b) Tidak |
| 4. Itu _____ perangkap sampah. | |
| 5. Kelas saya terletak ____ jauh dari kantin sekolah | |

LIVEWORKSHEETS

**Kata Imbuhan Awalan dan Akhiran. Padankan dengan jawapan yang betul.**

| |
|---|
| a) dibawa b) membeli c)menjaga d) diperbuat e)masukkan |

Pada minggu lepas, Aidil _____oleh ibunya ke pasar raya. Dia hendak _____ peralatan sekolah yang mesra alam.

Dia membeli pembaris kayu. Pembaris kayu itu murah dan tahan lama berbanding dengan pembaris plastik. Dia juga membeli krayon yang _____ daripada lilin sarang lebah. Krayon itu tidak mengandungi bahan kimia.

" Tolong _____ semua barang ke dalam beg serbaguna ini. Kita mestilah _____alam sekitar kita supaya sentiasa cantik dan bersih" kata ibu.

LIVEWORKSHEETS